

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)43**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

43. Pelaksanaan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) tertumpu kepada agenda untuk menoktahkan miskin tegar di Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan bilangan miskin tegar dari tahun 2022 sehingga kini mengikut setiap DUN.
  - (b) Senaraikan nama pengerusi dan kawasan JPKKP mengikut DUN.
  - (c) Berapakah peruntukan tahunan setiap JPKKP?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

43. (a) Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar bagi tahun 2022 sehingga tahun 2025 mengikut pecahan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang adalah seperti perincian di **LAMPIRAN A** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Data ini berdasarkan data dinamik eKasih yang berakhir 31 Disember setiap tahun dan data tahun semasa bertarikh 5 Mei 2025.

(b) & (c)

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memaklumkan terdapat 375 JPKKP di Pulau Pinang setakat sekarang namun senarai nama pengerusi tidak dapat disertakan kerana masih dalam semakan semula pihak KKDW. Tambahan, masih tiada sebarang peruntukan insentif tahunan untuk JPKKP Pulau Pinang.